

07/10/2002

Tindakan AS ibarat mencurahkan minyak ke api

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan tindakan Amerika Syarikat mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel, ibarat 'mencurahkan minyak ke api'.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu bukan saja akan menyemarakkan lagi api kemarahan orang ramai terutama umat Islam, malah tidak akan membantu usaha memerangi keganasan.

Dr Mahathir berkata, keputusan Washington mengenai Baitulmaqdis yang dianggap suci oleh umat Islam, akan hanya menambahkan lagi sebab bagi umat Islam untuk melakukan perbuatan ganas.

"Kita bukannya merawat punca (keganasan), kita hanya menambah punca keganasan," katanya selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) ke-49 di sini, hari ini.

Isnin lalu, Presiden Amerika Syarikat, George W Bush menandatangani perundangan penuh kontroversi yang memerlukan pentadbirannya mengiktiraf Baitulmaqdis dan bukannya Tel Aviv sebagai ibu negara Israel.

Walaupun Bush mengeluarkan kenyataan menafikan perubahan status Baitulmaqdis, langkah terbarunya itu nyata tidak mengambil kira kemungkinan ia mencetuskan kemarahan negara Arab dan Islam.

Agensi berita melaporkan, rang undang-undang itu memberi takrifan lebih meluas mengenai status kota suci tiga agama - Islam, Kristian dan Yahudi itu. Kongres Amerika sudah lama mendesak pemimpin negara itu berhubung pemindahan kedutaan Amerika dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis.

Semalam, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Malaysia akan mengemukakan bantahan rasmi kepada Amerika Syarikat.

Usul mengenai bantahan rakyat berhubung perkara itu juga dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat, esok.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu sama ada tindakan itu sengaja dilakukan pentadbiran Bush, tetapi menegaskan bahawa keputusan Washington tidak membantu dalam usaha memerangi keganasan atau memulihkan ekonomi dunia.

"Ini kerana kini orang membelanjakan wang mereka dalam usaha melindungi diri daripada penganas dan pada masa yang sama, mereka (Amerika) menyebabkan kehidupan ini sukar bagi kebanyakan orang.

"Berjuta-juta orang mengembara.... menjadi sukar dan dengan itu orang berniaga tidak berniaga kerana mereka tidak mengembara, mereka tidak menaiki kapal terbang, (syarikat) penerbangan akan menjadi mangsa kerana tiada penumpang, hotel juga menjadi mangsa kerana tiada orang datang dan semua akan jadi mangsa," katanya.

Mengenai langkah menjadi-jadi Amerika Syarikat untuk bertindak sendirian dalam menangani hal ehwal antarabangsa, Dr Mahathir berkata, malang sekali seluruh dunia tidak menyetujuiinya.

Beliau berkata, tidak ada negara di dunia, tanpa mengira betapa kuatnya mereka, harus mengetepikan pendapat dan pandangan seluruh dunia.

Ditanya peranan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berhubung usaha sendirian Amerika Syarikat itu, beliau berkata, Majlis Keselamatan tidak mempunyai kuasa.

"Majlis Keselamatan mempunyai lima anggota dengan kuasa veto dan salah satu daripadanya ialah Amerika Syarikat dan satu lagi Britain. Satu (negara) akan lulus veto dan satu lagi akan ikut.

"Tidak ada apa yang dapat dilakukan dalam Majlis Keselamatan, ia lumpuh sama sekali," katanya.

Ditanya sama ada perlu bagi PBB menghapuskan kuasa veto lima anggota tetapnya, Dr Mahathir berkata, sudah tiba masanya untuk melupakan apa yang berlaku 50 tahun lalu (penubuhan PBB selepas Perang Dunia Kedua dan kemudian pemberian hak veto kepada lima kuasa besar yang menguasai dunia ketika itu).

"Saya berpendapat, kita harus melupakan apa yang berlaku 50 tahun lalu. Hanya kerana mereka menang peperangan, mereka mahu kuasa veto tetapi kini mereka meneruskan penguasaan," katanya.